

U 8850 BAH  
MAHATHIR - PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 27 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI  
DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA SEJARAH PERPADUAN MELAYU  
ADALAH PENTING KEPADA GENERASI MUDA HARI INI.

BELIAU BERKATA GENERASI MUDA SEKARANG KINI TERASA TERLINDUNG DAN  
SELAMAT KERANA ADANYA UMNO.

TANPA UMNO MEREKA SEKARANG MUNGKIN MASIH KETINGGALAN DAN TIDAK  
DIHORMATI, KATANYA PADA MAJLIS BERBUKA PUASA SEMENA SAMBUTAN HARI  
KELAHIRAN UMNO ANJURAN UMNO SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI  
KELAB SULTAN SULAIMAN, KAMPUNG BARU DI SINI.

BELIAU BERKATA OLEH ITU SEJARAH TERTUBUHNYA UMNO PERLU DIJADIKAN  
SEBAGAI SATU KESEDARAN KEPADA GENERASI MUDA.

KATANYA, ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION 43 TAHUN DAHULU  
KERANA IA INGIN MEMBERIKAN TARAF SAMA RATA KEPADA RAKYAT PELBAGAI  
KAUM DI NEGARA INI.

- - LAGI  
2239MST 27 04 89

D951

U 8851 BAH  
MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG MELAYU MENENTANG RANCANGAN ITU  
KERANA PADA KETIKA ITU MEREKA SERBA KEKURANGAN DAN LEMAH DARIPADA  
SEGI EKONOMI, PELAJARAN DAN SEBAGAINYA.

KATANYA, DALAM KEADAAN TERDESAK BEGINILAH ORANG MELAYU DARIPADA  
PELBAGAI PERTUBUHAN POLITIK ATAU SOSIAL BERSATUPADU DAN MENENTANG  
RANCANGAN INGGERIS ITU.

BELIAU BERKATA PADA 1, 2, 3 DAN 4 MAC TAHUN 1946, MEREKA  
BERKUMPUL DI KELAB SULTAN SULALMAN DI SINI UNTUK MENGADAKAN KONGRES  
MELAYU YANG AKHIR BERJAYA MEWUJUDKAN UMNO DI JOHOR BAHARU PAOA 11  
MEI 1946.

OLEH ITU TARIKH TERSEBUT MERUPAKAN SATU TARIKH KERAMAT BAGI  
MENYEDARKAN GENERASI MUDA TENTANG PERJUANGAN UMNO BAGI MEMBELA NASIB  
ORANG MELAYU, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA SEMUA ORANG MELAYU TIDAK DAPAT MELUPAKAN TARIKH  
TERSEBUT YANG BEGITU PENTING DAN BERKESAN BAGI DIRI MASING-MASING --  
LAGI

2255MST 27 04 89

D957

U 8854 BAH  
MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG PERINTAH MAHKAMAH, TINGGI SEREMBAN MENGHALANG  
UMNO DARIPADA MENGADAKAN PERHIMPUNAN ULANG TAHUNNYA YANG KE-43 DI  
ISTANA JOHOR PADA 10 DAN 11 MEI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU  
AKAN MENYERAH PERKARA ITU KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PARTI, DATUK  
MOHAMED RAHMAT MENGATASINYA SECARA UNDANG-UNDANG.

SELEPAS MAJLIS ITU, BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SEMUA ORANG  
MELAYU TETAP MEMPERINGATI TARIKH TERSEBUT DAN TIDAK ADA SESIAPA YANG  
DAPAT MENAFIKAN FAKTOR SEJARAH PENUBUHAN UMNO ITU.

TERDAHULU DARIPADA ITU, MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK MUHAMMAD  
HAJI MUHAMMED TAIB BERKATA MAJLIS MALAM INI DIADAKAN BAGI  
MEMPERINGATI KONGRES MELAYU YANG DIADAKAN DI KELAB TERSEBUT PADA 1,  
2, 3 DAN 4 MAC 1946.

KIRA-KIRA 1,000 ORANG MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA, JEMAAH  
MAGHRIB DAN BACAAN TAHLIL ITU. -- BERNAMA  
2320MST 27 04 89